

Kedudukan Malaysia kukuh hadapi krisis



» **Negara sudah laksana perubahan utuh persekitaran perniagaan: PM**

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Malaysia kini berada pada kedudukan lebih kukuh bagi berdepan sebarang krisis ekonomi berbanding ketika krisis pada tahun 1997-1998, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia sudah melaksanakan pelbagai perubahan bagi mengukuhkan persekitaran perniagaan secara menyeluruh.

“Dalam tempoh 15 tahun lalu, negara ini sudah melaksanakan pembentukan semula struktur penting dalam sistem kewangan dan perbankan yang mengukuhkan sistem kewangan untuk berdepan sebarang gangguan.

“Antara langkah pembaharuan itu, termasuk memperkenalkan rangka kerja kawal selia penanda aras antara-bangsa dan rejim kawalan lebih ketat, pengukuhan peraturan berhemat bagi penggiat pasaran serta pembaharuan tadbir urus korporat yang meluas.

“(Hasilnya) pasaran bon mata wang tempatan kini berada pada paras RM1.1 trilion, yang ketiga terbesar di Asia, manakala pasaran ekuiti negara pula kini bernilai RM1.5 trilion berbanding RM175 bilion pada tahun 1998,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Simposium Pasaran Modal Sedunia 2015, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Ranjit Ajit Singh.

Simposium dua hari bertemakan ‘Pasaran dan Teknologi: Memacu Pertumbuhan Masa Hadapan Melalui Inovasi’ itu berakhir hari ini.

Kukuh sistem kewangan

Najib berkata, pengantara berjaya memenuhi standard pe-

matuhan dan pengurusan risiko tinggi dengan industri pembrokeran saham beroperasi pada tahap kadar hutang 0.1 kali ketika ini berbanding 1.3 kali pada tahun 1998.

Beliau berkata, pembaharuan struktur itu mengukuhkan keupayaan sistem kewangan negara bagi mengharungi keadaan turun naik tidak menentu, selain melaksanakan pelarasan secara teratur.

“Ketika krisis kewangan global akhir-akhir ini sebagai contoh, pasaran modal dan sistem perbankan kita terus berfungsi tanpa terjejas, gangguan atau mengalami sebarang kegagalan,” katanya.

Penuhi fungsi utama

Najib berkata, daya tahan itu membolehkan sistem kewangan negara memenuhi fungsi paling utamanya selaku pemboleh penting bagi pembangunan ekonomi.

“Berperanan sebagai sumber pembiayaan jangka panjang untuk melengkapi sistem perbankan, pasaran modal negara sudah menyalurkan sebanyak RM376 bilion menerusi tawaran awam permulaan dan terbitan bon sejak tahun 2012.

“Ia menghasilkan pembentukan modal dan pekerjaan dalam sektor yang luas seperti prasarana, telekomunikasi dan juga pertanian,” katanya.

Yakin kemampuan JKE

Najib turut melahirkan keyakinan terhadap kemampuan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) yang baru dibentuk dalam merangka pelan tindakan serta-merta dan jangka sederhana bagi mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata, dengan semua usaha yang dilaksanakan setakat ini, Malaysia dalam keadaan baik berada di landasan yang betul untuk menjadi negara maju pada tahun 2020.